

BAB 3: SUMBER PEMBIAYAAN PERNIAGAAN

- 1 . Antara berikut, yang manakah sumber pembiayaan dalaman?
 - I Modal permulaan
 - II Simpanan peribadi
 - III Rizab
 - IV Bantuan Modal
 - A . I dan II
 - B . II dan III
 - C . III dan IV
 - D . I dan IV
- 2 . Yang manakah sebab simpanan peribadi merupakan sumber pembiayaan yang popular pada masa ini?
 - A . Mudah diuruskan
 - B . Liabiliti tidak terhad
 - C . Jumlah dana yang besar
 - D . Melibatkan obligasi pihak luar
- 3 . Berikut ialah kelebihan sumber pembiayaan daripada rizab perniagaan, kecuali
 - A. Tidak perlu bayar semula
 - B. Tiada peruntukan jika rugi
 - C. Tidak memerlukan cagaran
 - D. Tiada tuntutan daripada pihak lain
- 4 . Berikut ialah sumber pembiayaan luaran, kecuali
 - A. Penjualan saham
 - B. Pinjaman Perniagaan
 - C. Rizab pendapatan tertahan
 - D. Pinjaman daripada pihak luar
- 5 . Kedai Jahit Jazli telah menyewa 10 buah mesin jahit dengan pilihan untuk membeli mesin tersebut setelah tamat tempoh sewaan.

Apakah bentuk pembiayaan yang diterima Kedai Jahit Jazli?

 - A. Pajakan
 - B. Sewa beli
 - C. Ar-Rahnu
 - D. Pemfaktoran

6 . Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan sumber pembiayaan pajakan?

- I Dapat menggunakan mesin yang mahal
 - II Tiada risiko hutang
 - III Bayaran sewa adalah rendah
 - IV Pelbagai syarat dan terma
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, III dan IV

7 . Apakah kelebihan syer biasa berbanding dengan syer keutamaan?

- A. Bersifat kumulatif
- B. Dividen yang lebih tinggi
- C. Didahulukan pembayaran dividen
- D. Mempunyai kuasa untuk memilih ahli lembaga pengarah

8 . Berikut ialah pernyataan tentang overdraf. Pernyataan manakah yang benar?

- I Perkhidmatan yang diperoleh jika memiliki akaun semasa
 - II Kadar faedah yang rendah
 - III Urusan permohonan yang rumit
 - IV Disertakan perkhidmatan cek
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

9 . Pernyataan manakah benar tentang Ar-Rahnu?

- A. Nilai cagaran boleh sama dengan nilai pinjaman
- B. Pihak bank akan menjual cagaran sebelum tempoh matang
- C. Pelaksanaan Ar-Rahnu berlandaskan prinsip Islam
- D. Semua bank perdagangan menawarkan perkhidmatan Ar-Rahnu

10 . Berikut ialah Skim 1Azam, kecuali

- A. Azam Kerja
- B. Azam Niaga
- C. Azam Khidmat
- D. Azam Hias

1 1 .

- Pembiayaan usaha sama pakej perniagaan
- Untuk perniagaan produk kecantikan dan makanan

Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A. TEKUN Tani
- B. TEKUN Ternak
- C. TEKUN Perniagaan
- D. TEKUN Rakan Niaga

1 2 .

- Pembiayaan untuk menjalankan aktiviti pembinaan dan kerja elektrik
- Had pembiayaan sehingga RM500,000

Pernyataan di atas berkaitan dengan . . .

- A. Skim Pembiayaan Komersial
- B. Skim Jaminan Usahawan MARA
- C. Skim Pembiayaan Kontrak Ekspress
- D. Skim Pembiayaan Peningkatan Perniagaan

TINGKATAN

1 3 . 4

- Pembiayaan khas untuk penjaja
- Jumlah pembiayaan dari RM1,000 hingga RM50,000

Apakah skim pembiayaan yang ditawarkan oleh Bank Rakyat di atas?

- A. Pembiayaan Mikro-i MusK
- B. Pembiayaan Mikro-i MPPK
- C. Pembiayaan Pembangunan Bandar
- D. Pembiayaan Pembangunan Luar Bandar-i

1 4 . Yang manakah skim pembiayaan yang ditawarkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)?

- I PROSPER Runcit
- II PROSPER Pemborong
- III PROSPER Niaga
- IV PROSPER Teras

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, III dan IV

1 5 . Berikut ialah Skim Jaminan Kredit yang ditawarkan oleh Syarikat Jaminan Kredit Malaysia (CGC), kecuali

- A. Skim Jaminan IKS (SJI)
- B. Skim Jaminan Anjal (SJA)
- C. Skim Pinjaman Francais (SPF)
- D. Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT)

1 6 .

- Perjanjian tanggungan hutang oleh pihak ketiga
- Apabila penghutang gagal menjelaskan hutang

Apakah jenis jaminan kredit di atas?

- A. Jaminan perusahaan
- B. Jaminan perorangan
- C. Jaminan kebendaan atas barang bergerak
- D. Jaminan kebendaan atas barang tidak bergerak

1 7 .

- Kemudahan kredit yang disediakan oleh pembekal untuk pelanggannya
- Menggalakkan peniaga menjelaskan hutang dengan segera

Apakah jenis pembiayaan lain di atas?

- A. Surat Kredit
- B. Kredit Dagangan
- C. Pinjaman Berjangka
- D. Penerimaan Jurubank

1 8 . Antara berikut, yang manakah perbelanjaan Modal Kerja mengikut jangka pendek?

- I Belanja tidak langsung
- II Belanja jualan
- III Belanja am
- IV Belanja kos

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, III dan IV

1 9 .

- Pematuhan pada perjanjian pinjaman
- Membuat bayaran balik mengikut perjanjian

Apakah langkah atau prosedur mendapatkan pembiayaan seperti di atas?

- A. Menghubungi pihak pembiaya
- B. Menghantar laporan kemajuan projek
- C. Menyediakan cagaran yang berkaitan
- D. Menandatangani perjanjian dan dokumen yang berkaitan

2 0 . Antara berikut, yang manakah justifikasi untuk memilih pembiayaan yang sesuai?

- I Keperluan perniagaan
- II Kemampuan pembiaya
- III Faktor sosioekonomi
- IV Dasar luar negara

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

BAB 3: SUMBER PEMBIAYAAN PERNIAGAAN

SKEMA JAWAPAN

NO	JAWAPAN
1	B
2	A
3	B
4	C
5	A
6	A
7	C
8	D
9	C
10	D

NO	JAWAPAN
11	D
12	C
13	A
14	B
15	A
16	B
17	B
18	A
19	B
20	A